

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 20
HUKUM MENGAGIHKAN ZAKAT SECARA PERSENDIRIAN DAN QADA' ZAKAT

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 194 yang bersidang pada 7 Rabiulawal 1443 bersamaan 14 Oktober 2021 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada' Zakat. Dari sudut maslahah dan siasah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau *Ulil Amri* adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Walaupun dari sudut syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib. Mengenai hukum qada zakat, ia wajib dilakukan bagi zakat yang telah memenuhi syarat wajib yang tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya.

Tarikh: 24 Jun 2022
No. fail: MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Saya yang menjalankan amanah


(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti Negeri Perak